

10. CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian (*online*) sahaja. Permohonan adalah percuma. Cara memohon adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon boleh mengemukakan permohonan mulai **6 Ogos 2012** dengan melayari laman sesawang <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my>;
- (ii) Pemohon dibenarkan menghantar satu permohonan sahaja tetapi dibenarkan mengakses sebanyak **3 kali** untuk mengemas kini atau meminda sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya permohonan yang terkini sahaja diambil kira sebagai penerimaan permohonan;
- (iii) Borang permohonan dalam talian yang dimuat turun, dicetak dan dihantar melalui pos **tidak akan diproses**;
- (iv) Permohonan secara dalam talian tidak memerlukan penghantaran salinan sijil-sijil, kecuali dinyatakan dalam "Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2012";
- (v) Pemohon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan **mencetak "Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2012" sebagai bukti permohonan telah dibuat**;
- (vi) Pertanyaan mengenai **masalah teknikal** semasa mengisi borang permohonan dalam talian boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853453, 03-88853541 atau 03-88853532. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang (Isnin – Jumaat); dan
- (vii) Pertanyaan mengenai **program tajaan** boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853049 (10 talian) pada setiap hari bekerja mulai jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang atau e-mel di alamat pidn2011@jpa.gov.my.

11. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **12 Ogos 2012 (Ahad)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

12. PENGHANTARAN DOKUMEN

Calon yang telah memohon secara dalam talian diwajibkan untuk mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (i) Borang Pengesahan Pendapatan Keluarga (diperoleh dari laman web eSILA).
- (ii) Slip Gaji Ibu/Bapa.